

WARNA-WARNI SAHABAT

Baca dan fahami dialog. Kemudian, lengkapkan dialog tersebut dengan tindakan yang beradab.

Situasi Persahabatan A

UNIT 4

1. Vimala, ini majalah Tunas Cipta yang awak minta saya carikan.

2. Terima kasih Yanika kerana berusaha mencarikannya untuk saya.

3. Sama-sama. Maafkan saya kerana lewat mencarikannya untuk awak.

4. ?



1. Pilih dialog Vimala (4) yang beradab dan betul.

- ☐ Saya amat bersyukur kerana mempunyai kawan yang sanggup berkorban masa mencari majalah Tunas Cipta kepada saya. Terima kasih, Yanika.
- ☐ Sudah lama saya menunggu Yanika mendapatkan majalah ini kepada saya. Lain kali jangan bagi saya tunggu lama-lama.

Situasi Persahabatan B

MARI FAHAM!

1. Lina, saya tahu banyak kelemahan Julia. Saya boleh beritahu segala-galanya.

2. Tidak baik awak berkata begitu. Kita perlu ?

3. Maafkan saya Lina. Saya berjanji tidak akan bersangka buruk terhadap kawan kita lagi.

UNIT 4



2. Pilih dialog (2) yang betul bagi situasi Persahabatan B.

- ☐ Bersangka baik terhadap kawan kita.
- ☐ Bersangka buruk terhadap kawan kita.

3. Kenal pasti perlakuan beradab dalam persahabatan.

- ☐ Membantu kawan.
- ☐ Berterima kasih.
- ☐ Mengumpat
- ☐ Bersangka baik